

PEMBANGUNAN MODEL KEUSAHAWANAN i-SEDAR DALAM MELAHIRKAN USAHAWAN MELALUI KOMUNITI

THE DEVELOPMENT OF AN ENTREPRENEURSHIP MODEL OF i-SEDAR IN PRODUCING ENTREPRENEUR THROUGH COMMUNITY

Jamaludin Shahidan¹
Abdullah Abdul Ghani²

¹ Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia. (E-mail: js_jamaludin@yahoo.com)

² Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia. (E-mail: abd129@uum.edu.my)

Accepted date: 14-01-2019

Published date: 27-01-2019

To cite this document: Shahidan, J., & Ghani, A. A. (2018). Pembangunan Model Keusahawanan i-Sedar dalam Melahirkan Usahawan Melalui Komuniti. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 1 (4), 25-41.

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang kajian pembangunan Model Keusahawanan i-SEDAR (MoKiS) dalam melahirkan usahawan melalui komuniti. Rujukan utama dalam menyediakan rangka kerja pembangunan MoKiS ini ialah Model Pembangunan Komuniti (MPK) dari Amerika Syarikat. Daripada sorotan literatur terkini, didapati faktor kejayaan berdasarkan pendekatan agama, penglibatan komuniti dan peranan kerajaan didapati mempengaruhi pembangunan keusahawanan. Pembangunan MoKiS ini mengambil elemen-elemen keagamaan dalam model MUB dari Malaysia serta membuat perbandingan dengan kejayaan penglibatan komuniti dalam model OVOP dari Jepun dan kegagalan peranan kerajaan dalam model OTOP dari Thailand. Perbandingan juga dibuat dengan merujuk kejayaan Kesultanan Melayu Islam Melaka dalam menjadi pusat perdagangan dunia di zaman itu melalui pendekatan agama di abad 14 dan 15. Keperluan mengkaji terserlah memandangkan belum ada kajian dijalankan dalam kaedah kajian tindakan untuk mencapai tujuan kajian tersebut. Kajian ini mengambil masa 28 bulan atau 2 tahun dan 4 bulan, dijalankan di komuniti Taman Dahlia, Selangor.

Kata Kunci: Pembangunan Komuniti, Pembangunan Keusahawanan I-SEDAR (Mokis), Model Pembangunan Komuniti (MPK), Melahirkan Usahawan, Kajian Tindakan.

Abstract: This article discusses the development of the MoKiS in producing entrepreneurs through the community. The main reference in preparing the framework of MoKiS is a Community Development Model (MPK) from United States. From the latest literature review, it has been found that success factors based on religious approaches, community involvement and the role of the government influencing in the development of this entrepreneur. The development of this entrepreneurial model adopts religious elements in the

MUB model from Malaysia and makes comparison with the success of community involvement in the OVOP model from Japan and the failure of government's role in the OTOP model from Thailand. Comparisons are also made in reference to the success of the Malacca Sultanate in becoming the center of world trade in that era through a religious approach in the 14th and 15th centuries. The need to research is clear as there is no research conducted in the method of action research for the aforesaid research. It took 28 months or 4 years and 2 months, done in the Community of Taman Dahlia, Selangor (KTD).

Key Word: *Community Development, i-SEDAR Entrepreneurship Model Development (MoKiS), Community Development Model (MPK), Producing Entrepreneurs, Action Research.*

Pendahuluan

Artikel tentang Pembangunan Keusahawanan Komuniti-Satu Pengenalan oleh Michael W.P Fortunato dan Theodore (2015) menyatakan satu kemunculan bidang baharu boleh dilihat dan dikaji tentang hubungan antara keusahawanan dan pembangunan komuniti. Ini kerana bidang keusahawanan berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta boleh membawa perubahan dari segi struktur sosial dan masyarakat, kemantapan sumber pekerjaan serta penghasilan teknologi baru yang melibatkan kualiti penghidupan manusia (Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin, 2011) sekaligus berperanan sebagai penyumbang terbesar dalam tanggungjawab menukar cara hidup masyarakat dunia (Armanurah et. al., 2011). Masyarakat yang mempunyai ramai bilangan usahawan adalah merupakan masyarakat yang terbaik (Ab. Aziz et. al. 2012). Keusahawanan adalah pendorong dalam mempercepatkan perubahan dan peningkatan taraf hidup sesebuah komuniti. Bagi memastikan kesannya, penglibatan komuniti dalam bidang keusahawanan adalah satu keperluan (Talib, Azlizan, et al., 2012). Justeru pembangunan komuniti khusus melahirkan usahawan menjadi fokus dalam kajian ini.

Pembangunan Komuniti

Definisi pembangunan komuniti berbeza-beza terakluk kepada tempat dan budaya serta masyarakat yang terlibat. Namun begitu, definisi tersebut mempunyai beberapa ciri yang utama tanpa mengambilkira di mana pembangunan komuniti itu dilaksanakan. Mengikut Louis A. Ploch (1976), pembangunan komuniti ialah penglibatan yang aktif daripada masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Hope, K. R. (1980) pula melihat pembangunan komuniti sebagai satu proses yang bermula daripada mengenalpasti masalah masyarakat yang wujud hinggalah kepada proses penyelesaian masalah tersebut. Menurut Hope lagi, perubahan akan dapat dirasai oleh masyarakat yang terlibat sekiranya proses ini disertai oleh semua pihak iaitu pihak kerajaan, bukan kerajaan, pemimpin komuniti dan masyarakat itu sendiri.

Tujuan Pembangunan Komuniti

Seperti definisi, tujuan pembangunan komuniti juga berbeza-beza bergantung kepada budaya, lokasi dan jenis masyarakat setempat. Namun begitu, secara amnya tujuan utama pembangunan komuniti ialah untuk mempertingkatkan taraf hidup dan kualiti kehidupan masyarakat di lokasi berkenaan (Sabran M. S., 2003). Pembangunan komuniti juga membantu untuk mempertingkatkan kualiti ekonomi dan sosial masyarakat. Ia memerlukan rangka kerja yang jelas untuk memudahkan masyarakat yang terlibat memberi kerjasama dan saling tolong menolong dikalangan mereka, berkongsi matlamat dan tanggungjawab untuk kebaikan bersama. Pembangunan komuniti juga menolong masyarakat untuk berdikari serta memiliki sifat jati diri yang tinggi. Dengan sikap sedemikian masyarakat yang

berkenaan berupaya untuk menetapkan hala tuju kehidupan mereka dan juga mengenalpasti masalah-masalah yang mendatang (Hayes, John & Flower, 1980).

Tujuan Kajian Ini

Kajian ini merujuk kepada model pembangunan komuniti sedia ada dalam usaha untuk mengenalpasti permasalahan di tempat kajian seterusnya menyelesaikan permasalahan tersebut. Permasalahan itu diselesaikan dengan membangunkan sebuah model yang dinamakan Model Pembangunan Keusahawanan i-SEDAR (MoKiS) khususnya untuk melahirkan usahawan melalui komuniti. Pembangunan MoKiS dilaksanakan dalam bentuk kajian tindakan menggunakan model McKernan dalam mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan untuk mencapai matlamat kajian ini. Model yang dikemukakan oleh McKernan (1996) ini sangat menekankan proses membentuk perancangan dan proses penilaian semula perancangan serta membentuk semula perancangan berikutnya untuk tujuan penambahbaikan. Sembilan kitaran dibuat berturutan selama 28 bulan atau 2 tahun dan 4 bulan yang dijalankan di Komuniti Taman Dahlia (KTD), Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Permasalahan Kajian

Menurut Carr W. dan Kemmis S. (1986), sekiranya kajian tindakan (KT) diambil sebagai kaedah kajian maka kawasan kajian yang dipilih mestilah kawasan dimana pengkaji terlibat dan selari tujuannya untuk penambahbaikan terhadap amalan yang sedang dijalankan sekaligus dalam bidang yang diceburi oleh pengkaji itu sendiri. Justeru komuniti Taman Dahlia (KTD) adalah tempat tinggal tetap pengkaji sejak tahun 2008 maka KTD adalah tempat kajian sangat relevan dan tepat sekaligus yang melibatkan jenis perniagaan yang dijalankan oleh pengkaji sendiri. Setakat 31 Disember 2017, jumlah unit perumahan di KTD adalah 1,800 buah rumah yang menyediakan pasaran berjumlah 9,000 penduduk dan penduduknya pula terdiri daripada 97 peratus bumiputera berdasarkan data yang dikumpul daripada sesi temubual dengan pengerusi, Persatuan Penduduk Taman Dahlia (PPTD). Manakala sebanyak 500-unit perumahan lagi sedang dalam pembinaan serta dijangka siap pada tahun 2019 yang akan menjadikan pasaran di KTD bertambah besar kepada jumlah 2,300 buah rumah. Hasil daripada temubual dengan pengerusi PPTD dan pemerhatian pengkaji sendiri telah mendapati bahawa 80% daripada perniagaan di KTD dikuasai oleh usahawan bukan Bumiputera termasuk pendatang asing daripada Indonesia, Bangladesh, India dan Pakistan walaupun 97% terdiri penduduk Bumiputera. Manakala jumlah bangunan perniagaan di KTD adalah 160 buah namun 85% bangunan dimiliki oleh kaum bukan Bumiputera. Fenomena ini juga menimbulkan permasalahan lain seperti sosial, keselamatan, kesihatan dan makanan halal disebabkan penguasaan perniagaan oleh bukan Bumiputera. Oleh kerana kekurangan kaum Bumiputera yang melibatkan diri dalam perniagaan di KTD ini maka telah mewujudkan suasana perniagaan tidak ada persaingan dan tidak seimbang sekaligus menimbulkan gejala-gejala negatif lain di komuniti ini.

Rujukan Model-Model Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan Sedia Ada

Kajian bermula daripada mengenal pasti permasalahan kajian sehingga penyelesaian masalah di tempat kajian. Rujukan utamanya ialah Model Pembangunan Komuniti (MPK) yang dibangunkan oleh Community Development Agency (CDA), Universiti Missouri, Amerika Syarikat. MPK dibangunkan dengan mengambil kira latar belakang pelbagai negara, lokasi, bangsa dan budaya termasuk hasil kajian daripada semua resolusi persidangan yang dianjurkan, dan penyelidikan yang dijalankan di serata dunia (Pat Curry, 2018). Laporan Antarabangsa Dan Industri Malaysia (2008) menyatakan di segi kejayaan pembangunan keusahawanan melalui penglibatan komuniti merujuk kepada model “*One Village One Product*” (OVOP) dari Jepun. Manakala kegagalan dalam peranan kerajaan merujuk kepada model “*One Tambon One Product*” (OTOP) dari Thailand (Claymone Y, 2011). Dari segi

pendekatan agama, rujukan dibuat terhadap Model Usahawan Berjaya (MUB) yang mengambil amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial Islam yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Disamping itu, tiga teori keusahawanan dari perspektif ekonomi, sosiologi dan agama dirujuk untuk melihat faktor-faktor seseorang individu atau kumpulan individu itu membuat keputusan untuk terlibat di bidang keusahawanan.

Dalam mencapai objektif kajian tindakan ini iaitu untuk mengetahui faktor-faktor kejayaan dan bagaimana faktor-faktor ini beroperasi serta kesan pembangunan MoKiS dalam melahirkan usahawan melalui komuniti, pengkaji telah menjalankan sembilan kitaran. Di antara kitaran tersebut adalah mengadakan lawatan ke tiga buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan dan Taiwan yang berjaya dalam pembangunan komuniti khususnya pembangunan usahawan. Pengkaji telah mengadakan beberapa sesi temubual dengan responden-responden yang relevan dengan matlamat lawatan tersebut. Bangsa ketiga-tiga negara ini dikenali dunia sebagai bangsa yang sangat rajin dan tekun bekerja tanpa kira masa. Menurut kajian Rahman, L. A. (Ed.). (1997) bahawa budaya kerja Jepun adalah berdasarkan disiplin kerja yang kuat terutama dalam perniagaan. Namun begitu, pengkaji juga membuat perbandingan dengan kajian pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap kejayaan yang pernah dicapai oleh pedagang-pedagang Melayu semasa kegemilangan Kesultanan Melayu Islam Melaka pada abad 14 dan 15 khususnya dalam bidang perdagangan. Pengkaji mendapati bahawa budaya kerja yang menjurus kepada pendekatan agama merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan ini. Ia selari dengan pandangan yang dibuat oleh Salleh, A. M (2010) yang menyatakan penerapan nilai-nilai murni, etika dan budaya kerja cemerlang berlandaskan kepada kepercayaan agama adalah amat penting. Akhirnya, pengkaji juga mengambil peserta yang menyertai pembangunan MoKiS berdasarkan kriteria-kriteria yang berlandaskan elemen-elemen keagamaan yang ditunjukkan dalam model-model rujukan yang disebutkan dalam artikel ini. Pengkaji memilih persampelan bertujuan dalam menentukan data yang hendak dikumpulkan dalam sesebuah populasi yang besar.

Rujukan Utama - Model Pembangunan Komuniti (MPK)

MPK merupakan rujukan utama pengkaji terdahulu iaitu Sabran M. S. (2003). MPK ini juga menjadi rujukan utama dalam kajian tindakan ini khususnya pembangunan model keusahawanan dalam melahirkan usahawan melalui komuniti. Secara umumnya, CDA melihat pembangunan komuniti ini sebagai penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai objektif yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Mengikut CDA, pembangunan komuniti ialah usaha yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu komuniti samada secara langsung atau tidak, dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditentukan. Elemen-elemen seperti komunikasi, komitmen, kepercayaan, penglibatan masyarakat sekaligus memaksimumkan penggunaan sumber-sumber dalaman komuniti merupakan sebahagian daripada perkara yang ditekankan oleh CDA. Elemen-elemen kerjasama dan penggunaan segala sumber dalaman yang ada adalah perkara penting untuk memberikan kejayaan kepada usaha memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat terlibat (Sabran M. S., 2003).

MPK ini telah dibentuk selepas mengambil kira pelbagai perkara dan kriteria untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek seperti ekonomi termasuk keusahawanan, pendidikan, keselamatan, kebajikan, pertanian, perumahan, infrastruktur dan lain-lain. Model ini dibentuk hasil daripada perbincangan yang dibuat di beberapa persidangan dan seminar antarabangsa pembangunan diantaranya ialah di Iran, Taiwan, Sri Lanka, Indonesia, Singapura dan Kuala Lumpur. Selain daripada seminar dan bengkel tersebut, beberapa penyelidikan mengenai pembangunan komuniti yang dibuat juga telah menyumbang ke arah pembentukan model tersebut (Sabran M. S., 2003).

MPK yang tertera dalam Rajah 1, mempunyai lima elemen utama yang perlu dicapai dalam pembangunan komuniti seperti yang diterangkan dibawah:

Pemimpin Komuniti

Tujuan perbincangan dengan pemimpin komuniti ialah untuk mendapat persetujuan melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi di komuniti dibawah pentadbiran mereka.

Masyarakat Tempatan

Pertemuan dengan masyarakat untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama di antara pemimpin dan masyarakat tempatan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Teras Pembangunan Komuniti

Empat teras pembangunan komuniti yang perlu dicapai ialah prinsip, nilai dan kepercayaan, andaian dan prinsip amalan baik dalam pembangunan komuniti.


Proses Pembangunan Komuniti

Mengikut apa yang dicadangkan oleh Okafor F. (1982), terdapat sekurang-kurangnya lima peringkat yang perlu dilaksanakan di dalam proses pembangunan komuniti ini. Lima peringkat tersebut ialah kesedaran umum tentang pembangunan komuniti, analisis sistematik tentang permasalahan yang ujud, melatih ketua projek yang dipilih, penglibatan daripada masyarakat dan mewujudkan keyakinan serta membuat hubungan dengan pihak luar yang ada kepentingan dalam pembangunan komuniti ini.

Hasil Pembangunan Komuniti

Di antara hasil pembangunan komuniti yang dijalankan ialah pembangunan fizikal, sosial dan sahsiah. Dengan pencapaian tersebut, permasalahan dalam sesebuah komuniti dapat diselesaikan.

Rajah 1
Model Pembangunan Komuniti (MPK) - Struktur Pembangunan Komuniti




Sumber : Jurnal Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. Vol. 11 No.2 2003

Semua elemen tersebut saling berkaitan. Kejayaan di setiap bahagian merupakan penentuan kepada kejayaan di bahagian-bahagian yang lain. Kegagalan di satu bahagian merupakan titik permulaan kepada kegagalan di bahagian yang lain (Sabran M. S., 2003).

Model Usahawan Berjaya (MUB)

Pembangunan MoKiS mengambil pendekatan agama dengan merujuk kepada Model Usahawan Berjaya (MUB) yang dihasilkan oleh Mohd Adib Abd Muin (2017). Beliau telah menghasilkan MUB dengan merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Shuhairimi Abdullah (2013) yang membincangkan tentang ciri-ciri umum dan khusus, yang perlu dimiliki oleh usahawan berjaya. Ciri-ciri umum tersebut ialah menjadikan agama Islam sebagai satu cara hidup, menjalankan aktiviti yang halal, mengeluarkan harta di jalan Allah seperti zakat, infaq, sedekah dan lain-lain, menghargai nilai yang baik dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri, keluarga, pekerja dan masyarakat. Manakala ciri-ciri khusus usahawan itu hendaklah mempunyai daya pemikiran yang kreatif, inovasi, berkemampuan mengurus berorientasikan masa hadapan, bermotivasi, berpengetahuan, bertanggungjawab dan mempunyai keyakinan diri berteraskan konsep al-falah, iaitu patuh kepada ajaran agama berpandukan syariah, beriman dan bertakwa kepada Allah. Berpandukan model al-falah dari Shuhairimi Abdullah (2013), Mohd Adib (2017) telah menghasilkan model yang lebih signifikan dan spesifik iaitu mengekalkan model sedia ada tetapi dengan penambahan elemen empat sifat wajib Nabi Muhammad SAW iaitu sifat siddiq, amanah, tabligh dan fathonah. Disamping itu, usahawan perlu menitikberatkan elemen-elemen maqasid syariah dalam setiap aktiviti keusahawanan dimana mereka perlu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta dalam mencapai kecemerlangan di dunia dan akhirat seiring dalam usaha untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Sila lihat Rajah 2 yang menunjukkan semua elemen yang penting dalam pembangunan MUB.

Rajah 2
Model Usahawan Berjaya (MUB) dalam Amalan Nilai- nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam (Mohd Adib, 2017)



Sumber: Journal of Human Development and Communication Volume 3, 2014 [129-141]

Perbandingan dengan Faktor Kejayaan Model OVOP Di Jepun dan Faktor Kegagalan Model OTOP di Thailand dari Perspektif Model OVOP

Model “*One Village One Product*” (OVOP) telah diasaskan oleh Dr Morihiko Hiramatsu, semasa beliau menjadi Gabenor Daerah Oita di Jepun dari tahun 1979 hingga 2003. Dr Hiramatsu menekankan bahawa keperluan masyarakat tempatan untuk mengurangkan pergantungan kepada subsidi kerajaan disamping membantu masa depan generasi muda sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan (Thu N.T.A, 2013). Resipi kejayaan OVOP yang paling penting ialah inisiatif dan inovasi masyarakat tempatan. Seterusnya, kegiatan harian, kegemaran dan kebiasaan masyarakat tempatan boleh ditukarkan menjadi produk dan boleh diniagakan. Kerajaan tempatan menjadi fasilitator dalam kegiatan OVOP dan membantu di segi teknikal, pengeluaran dan pemasaran (Kurokawa, 2010). Konsep asal OVOP ini ialah untuk menggalakkan setiap kampung dalam Daerah Oita memilih satu produk yang terbaik di kawasan itu dan membangunkan hingga mencapai piawaian nasional dan antarabangsa (Fujita 2006; Igusa 2008; Knight 1994; Kurokawa 2010). Selepas kejayaan OVOP, model ini telah digunakan oleh negara-negara jiran di Asia dan negara-negara membangun termasuk Afrika dan Amerika Latin (Natsuda; K.; Igusa; Wiboonpongse; A & Thoburn, 2012). Dr Hiramatsu memperkenalkan OVOP sehingga lebih 30 buah negara yang sedang membangun (Schumann, R. F. 2016).

Manakala model “*One Tambon One Product*” (OTOP) pula, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sendiri mengetuai misi dagang ke Oita untuk belajar tentang pengalaman pelaksanaan model OVOP di sana (Takei I., 2007). Kejayaan awal model OTOP berlaku semasa pentadbiran kerajaan Thailand dibawah Perdana Menteri Dr Thaksin Sinawatra dari tahun 2001 hingga 2006. Ini menunjukkan OTOP diuruskan dengan Polisi Atas-Bawah. Satu lagi kajian telah dibuat oleh Claymone Y. (2011) dari Universiti Thammasat, Thailand dalam sebuah projek penyelidikan yang bertajuk “*A Study on One Village One Product (OVOP) in Japan and Thailand as an Alternative of Community Development in Indonesia*” yang mana telah diinspirasikan oleh Profesor Dr. Hiroshi Murayama dari Universiti Ritsumeikan. Salah satu dapatan beliau ialah OTOP di Thailand didapati berbeza dengan konsep asal OVOP di Jepun. Kerajaan Thailand memberi pelbagai bantuan kepada kumpulan petani dalam bentuk subsidi dan latihan yang diletakkan dibawah inisiatif dan sokongan padu daripada kerajaan yang mana amat berbeza sama sekali jika dibandingkan dengan model pertama OVOP di Jepun. Program OTOP Thailand digerakkan dibawah polisi kerajaan pusat dan bukan daripada masyarakat tempatan seperti OVOP. Claymone Y. (2011) mendapati OTOP yang dipelopori Thaksin akhirnya menemui kegagalan daripada perspektif OVOP Jepun adalah disebabkan tiga punca berikut:

Pemusatan Terhadap Pasaran Luar Negara

Polisi OTOP lebih memusatkan kepada peringkat pasaran luar negara dan mengabaikan pasaran komuniti setempat dan nasional. Tindakan ini menyebabkan pasaran tempatan menjadi tidak stabil disebabkan kurang diberikan perhatian oleh masyarakat yang terlibat.

Pergantungan Sepenuhnya Kepada Kerajaan

OTOP Thailand menggunakan polisi Atas-Bawah semasa kerajaan Thaksin tetapi setelah penukaran kerajaan, polisi berkenaan tidak lagi digunakan sedikit demi sedikit oleh kerajaan selepasnya. Usahawan yang selama ini banyak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan, telah mengalami kesukaran dalam memasarkan produk kerana di zaman

pentadbiran Thaksin, kerajaan yang membantu mencari pasaran. Maka, tanpa bantuan kerajaan, program OTOP sukar bergerak.

Kekurangan Pengetahuan dan Tiada Sokongan Kerajaan

Kerajaan baharu yang mengambil alih tampuk pemerintahan Thailand selepas Thaksin, tidak dapat meneruskan polisi Thaksin. Kerajaan baru lebih menggalakkan usahawan individu itu berdikari dan tidak lagi bergantung kepada sokongan kerajaan dan perlu meningkatkan keupayaan diri.

Sebagai kesimpulan, OTOP Thailand menggunakan polisi Atas-Bawah tidak seperti OVOP Jepun menggunakan polisi Bawah-Atas. Inilah titik kelemahan konsep OTOP yang diubahsuai oleh Thaksin yakni menggunakan kuasa kerajaan ke atas rakyat. Ini merupakan kempen transformasi kerajaan dalam usaha memperkenalkan OTOP kepada rakyat Thailand. Matlamat projek ini ialah untuk mendapatkan suara rakyat dalam pilihanraya berikutnya. Oleh yang demikian, OTOP Thailand dikira sebagai projek yang mencari populariti. Akibatnya projek OTOP ini tidak memperkasakan komuniti sebaliknya, lebih memfokuskan kepada pengeluaran produk. Justeru, kegagalan OTOP Thailand disebabkan tiga elemen tersebut yang juga merupakan faktor yang sama yang menyebabkan program ini menemui kegagalan di beberapa komuniti pilihan di Indonesia (Claymone Y., 2011).

Teori Keusahawanan Dari Tiga Perspektif

Ada tiga perspektif teori keusahawanan yang digunapakai dalam kajian ini yang menerangkan faktor penglibatan seseorang individu atau kumpulan individu dalam bidang keusahawanan iaitu dari perspektif ekonomi, sosiologi dan agama diterangkan seperti berikut :

Pertama: Perspektif Ekonomi

Penglibatan di bidang keusahawanan ini disebabkan sumbangan dan peranan yang diperlukan dalam pembangunan ekonomi. Peter Drucker mempercayai bahawa usahawan bukan seorang agen perubahan tetapi seorang yang mengambil peluang dan menggunakan peluang tersebut sepenuhnya hasil daripada perubahan yang berlaku (Martin, R. L., & Osberg, S., 2007). Contoh: pengagihan sumber ekonomi yang cekap, penyediaan peluang pekerjaan, mencetuskan inovasi, memburu kekayaan dan lain-lain. Israel Kirzner juga mempunyai kepercayaan yang sama iaitu beliau menekankan bahawa peranan usahawan adalah untuk sentiasa waspada dengan situasi semasa dan mengambil peluang dalam pasaran yang sedia ada (Abu-Saifan, 2012).

Kedua: Perspektif Sosiologi

Penglibatan dalam bidang keusahawanan samada dalam kategori individu atau kelompok masyarakat yang menjadikan usahawan sebagai satu bidang kerjaya berdikari yang boleh mengubah status kehidupan seperti pendatang Cina, Indonesia, India, Turki, Pakistan, Bangladesh dan sebagainya yang berani merantau untuk mencari rezeki. Ilmuan keusahawanan sosial telah mengambil konsep inovasi ini dan mengadaptasikan dalam bidang keusahawanan sosial serta menyatakan usahawan sebagai agen sosial yang mengubah landskap masyarakat (Rahman, A. A. A., 2015). Sumber bagi keusahawanan dari perpektif sosiologi dan sumber bagi keusahawanan bagi ekonomi juga berbeza. Sumber dari perspektif sosiologi berteraskan kepada masyarakat. Manakala sumber bagi perspektif ekonomi berteraskan kepada kewangan (Mair, J., & Marti, I. 2006.)

Ketiga: Perspektif Agama

Keusahawanan merupakan bidang pilihan umat Islam khususnya pada awal kedatangan Islam (Mansor N. H., 2008). Menurut kajian Nor Hafiza Othman (2012), keusahawanan adalah salah satu sumber untuk mencari rezeki melalui cabang ibadah yang merupakan fardhu ain dan muamalah yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Islam menganjurkan konsep keusahawanan yang luas di mana ia merangkumi aspek kehidupan di dunia dan akhirat. Ini bermakna aktiviti keusahawanan yang dijalankan di dunia mempunyai hubungan dengan agama juga kehidupan akhirat. Keusahawanan merupakan aktiviti yang amat digalakkan oleh Islam (Ab Ghani, A. M., & Sarif, S. (2005).). Kenyataan ini disokong dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Miqdam bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Tidaklah seseorang itu makan daripada makanan yang lebih baik daripada hasil apa yang diusahakan oleh tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Allah Dawud a.s. makan daripada hasil yang diusahakan oleh tangannya sendiri.”

(HR Bukhari: 1966)

Daripada maksud hadis tersebut, jelaslah bahawa Islam amat menyarankan umatnya bekerja sendiri yakni bidang keusahawanan.

Dari teori agama lain pula iaitu Teori Max Weber (1958) telah mengaitkan keusahawanan dengan elemen keagamaan yang dijadikan landasan untuk mencapai kejayaan dalam aktiviti ekonomi. Menurut Weber, nilai-nilai keagamaan yang universal seperti kejujuran menjadi faktor yang penting dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan. Kepercayaan dalam kehidupan beragama ini melahirkan sikap tekun dan bertanggungjawab dalam bekerja dan menjadi pendorong kepada pengumpulan aset-aset yang produktif. Beliau mengatakan bahawa kejayaan golongan Protestan dalam kegiatan ekonomi disebabkan oleh ajaran agama itu sendiri. Pegangan yang kuat terhadap agama serta melaksanakan apa yang dituntut menjadi dorongan kepada mereka untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi (Suhaimy et. al., 2013).

Menurut kajian Jalani H. (2011) menyatakan dengan jelas bahawa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu termasuk Melaka khususnya pada abad ke-13 telah banyak merombak cara hidup, adat dan budaya masyarakat Melayu. Agama Islam telah diterima dan dipraktikkan sebagai cara hidup orang Melayu dan adat serta budaya asal yang diamalkan oleh mereka telah dimodifikasikan supaya tidak bertentangan dengan syariat Islam. Justeru perkembangan Islam di Melaka telah mempengaruhi sistem pentadbiran, perundangan, ekonomi, bahasa dan kesusasteraan, pendidikan dan lain-lain lagi. Disamping pelaksanaan syariat Islam yang tersebut diatas, Melaka telah menjadi sebuah pusat perdagangan yang terkemuka ketika itu. Ini boleh dibuktikan dengan kajian yang dibuat oleh Hussin N., (2008) bahawa kegemilangan Kesultanan Melayu Islam Melaka terbina hasil daripada kegiatan perdagangan pada abad 14 dan 15. Melaka pada peringkat awal hanyalah sebuah perkampungan nelayan sahaja tetapi telah bertukar menjadi sebuah pusat perdagangan entrepot (pusat pengumpulan, penyaluran dan pertukaran barang dagangan) yang terkenal di Gugusan Kepulauan Melayu. Sejarah Kesultanan Melayu Islam Melaka juga membuktikan pendekatan agama merupakan faktor kejayaan kaum Bumiputera dalam perniagaan khususnya dalam bidang keusahawanan sekaligus peranan komuniti sesuatu kaum itu boleh melahirkan usahawan.

Pembangunan Model Keusahawanan i-SEDAR (MoKiS)

Pengkaji terlibat secara langsung bersama dengan subjek iaitu masyarakat Komuniti Taman Dahlia (KTD) dalam usaha mengenalpasti masalah yang wujud untuk tujuan penambahbaikan. Kemudian segala kelemahan yang dikenalpasti ini, dibincangkan untuk

mencari penyelesaian terbaik serta dilaksanakan di kitaran yang berkenaan. Pelaksanaan sembilan kitaran bermula daripada K-1 hingga K-9 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 berdasarkan model McKernan (McKernan, J., 1996).

Rajah 3
Ringkasan Tujuan dan Dua Sasaran Utama dalam Sembilan Kitaran

KITARAN (K-1)	KITARAN (K-2)	KITARAN (K-3)	KITARAN (K-4)	
<p>PERBINCANGAN DENGAN PEMIMPIN KOMUNITI</p> <p>Dua Sasaran Utama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Menerangkan tentang program pembangunan MoKiS kepada pemimpin KTD dan mendapatkan persetujuan pelaksanaannya termasuk dari pihak kerajaan yang berkaitan. 2. Mengenalpasti permasalahan dan faktor-faktor kejayaan pembangunan MoKiS di KTD 	<p>PERTEMUAN DENGAN MASYARAKAT TEMPATAN</p> <p>Dua Sasaran Utama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman dan kesedaran umum tentang tuntutan agama terhadap kepentingan keusahawanan melalui Wacana i-SEDAR kepada masyarakat KTD. 2. Menerangkan secara umum tentang pembangunan MoKiS di KTD. 	<p>PEMBENTUKAN TERAS DAN PROSES PEMBANGUNAN MoKiS</p> <p>Dua Sasaran Utama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melantik ketua program, membentuk jawatankuasa pelaksana dan memilih peserta yang layak mengikuti pembangunan MoKiS. 2. Merancang pelaksanaan faktor-faktor kejayaan yang dikenalpasti pada K-1 dan disahkan pada K-2 	<p>PROJEK 1 KARNIVAL USAHAWAN i-SEDAR (KUIS) DAN AKTIVITI SUSULAN</p> <p>Dua Sasaran Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menilai kesan Wacana i-SEDAR di K-2 untuk pelaksanaan KUIS 2016 tetapi di bentuk karnival. 2. Merancang aktiviti-aktiviti susulan dan tindakan mengekalkan momentum seterusnya. 	
KITARAN (K-5)	KITARAN (K-6)	KITARAN (K-7)	KITARAN (K-8)	KITARAN (K-9)
<p>PROJEK 2 MAJLIS PELANCARAN PERSATUAN i-SEDAR DAN PRODUK BAHARU KOPERASI</p> <p>Dua Sasaran Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Melancarkan Persatuan i-SEDAR untuk membina pasaran yang terjamin. 2. Melancarkan Produk Baharu Koperasi - KTDST 	<p>PROJEK 3 KEMBARA i-SEDAR KE THAILAND SAMBIL BELAJAR (KITAB 2017)</p> <p>Dua Sasaran Utama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Melawat sambil belajar kejayaan masyarakat Muslim Thailand membangun usahawan di komuniti mereka. 2. Memberi pendedahan secara praktikal dan semangat kepada usahawan di KTD. 	<p>PROJEK 4 KARNIVAL DAHLIA (KD 2017)</p> <p>Dua Sasaran Utama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Melihat dan menilai semula faktor-faktor kejayaan beroperasi di KD 2017. 2.Menilai semula terhadap pencapaian MoKiS dengan membandingkan semula aktiviti yang telah dijalankan. 	<p>LAWATAN KE JEPUN, KOREA SELATAN & TAIWAN</p> <p>Dua Sasaran Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Mendapatkan faktor-faktor kejayaan melahirkan usahawan melalui komuniti di tiga negara tersebut terutama OVOP. 2.Membuat perbandingan dengan sejarah kejayaan Melayu Islam Di Melaka. 	<p>PENULISAN TESIS</p> <p>Dua Sasaran Utama</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Membuat semakan semua hasil dapatan dan menilai semua data yang telah dicampurkan di setiap kitaran 2.Membuat ujian pasaran (market test) terhadap penerusan pasaran terhadap MoKiS.

Sumber: Ringkasan Sembilan Kali Kitaran Berdasarkan Model McKernan

Tiga Peringkat dalam Pembangunan MoKiS

Daripada Rajah 3 diatas, pembangunan MoKiS dibahagikan kepada tiga peringkat seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4. Tujuan peringkat pertama (K1 hingga K2) mesti dicapai kejayaan terlebih dahulu. Jika berjaya di peringkat pertama, maka ia boleh diteruskan ke peringkat kedua (K-3 hingga K-7). Akhirnya, matlamat dan hasil sampingan MoKiS boleh dilihat di peringkat ketiga (K-8 hingga K-9) selepas berjaya di peringkat kedua. Sebaliknya jika kejayaan tidak dicapai pada peringkat pertama, maka pembangunan MoKiS dianggap gagal dan tidak boleh diteruskan ke peringkat kedua.

Peringkat Pertama - Perbincangan dengan Pemimpin Komuniti dan Pertemuan dengan Masyarakat Tempatan

Tujuan peringkat pertama ini ialah bertujuan untuk mendapat persetujuan diantara pemimpin komuniti dan masyarakat tempatan untuk menjalankan pembangunan MoKiS ini di K-1 dan K-2. Mengikut Campbell (2001), pemimpin komuniti ialah seorang individu yang menjalankan tugas dan amanah untuk mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki

masyarakat. Bagi tujuan tersebut, individu yang terlibat haruslah mampu menyakinkan dan memotivasikan masyarakat untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu untuk mencapai hasrat dan matlamat tersebut. Pemimpin merupakan individu yang penting kerana dapat membantu masyarakat yang terlibat untuk merancang dan menyusun program-program berdasarkan kepada kehendak semasa masyarakat tersebut (Killacky & Karam 1993). Mengikut Hope K. R. (1980) pula melihat pembangunan komuniti sebagai satu proses. Menurut beliau, proses ini bermula daripada menangani masalah masyarakat yang terlibat sehinggalah kepada proses penyelesaian masalah tersebut. Penyertaan masyarakat di dalam projek dan program pembangunan komuniti amatlah penting. Ini adalah disebabkan hanya dengan penglibatan yang menyeluruh, masyarakat akan merasakan projek atau aktiviti yang dijalankan adalah hak mereka bersama (Mohamad. M & Silong, 2010).

Peringkat Kedua - Pembentukan dan Pelaksanaan Teras Pembangunan MoKiS (TPM) dan Proses Pembangunan MoKiS (PPM)

Pembentukan Teras Pembangunan MoKiS (TPM)

Dalam K-3, dengan merujuk kepada MPK, OVOP, OTOP dan MUB, empat elemen TPM yang sudah diubahsuai daripada teras pembangunan MPK mengikut keperluan program, realiti semasa dan kesesuaian tempatan. TPM merupakan satu struktur dalam MoKiS yang penting kerana ia merupakan etika yang perlu diikuti oleh setiap ahli masyarakat yang terlibat. Pemimpin perlu memahami dengan sejelas-jelasnya kerana mereka menjadi contoh kepada yang lain. Pembentukan TPM ini harus difahami oleh setiap ahli masyarakat agar mencapai pembangunan dan hasil yang diharap-harapkan. Peringkat ini hanya boleh dilalui sekiranya persetujuan telah dicapai di peringkat pertama. Kejayaan mencapai peringkat pertama tersebut adalah penentu kepada kejayaan di peringkat kedua. Dalam peringkat ini, pemilihan peserta dibuat untuk dilatih dan dibimbing menjadi usahawan. Peserta ini dipilih dari kalangan ahli masyarakat yang berminat dan berpotensi berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Empat elemen TPM berikut yang perlu difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh peserta, masyarakat dan pihak yang terlibat dalam pembangunan MoKiS ini ialah:

TR-1 Prinsip MoKiS - Tiga cabang ajaran Islam iaitu: **Akidah** merupakan kepercayaan dan keimanan kepada keesaan Allah. **Syariah** (hukum) adalah jalan menuju sesuatu yang benar sementara menurut istilah adalah sistem norma yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. **Akhlak** adalah budi pekerti, sopan santun, dan tingkah laku.

TR-2 Dasar Maqasid Syariah MoKiS - Setiap pihak yang terlibat perlu memahami dasar maqasid syariah dalam pembangunan MoKiS iaitu kefahaman tentang tujuan yang dikehendaki Allah pada setiap hukum-hakam, perintah, larangan Allah, Sunnah dan lain-lain yang berkaitan.

TR-3 Empat Sifat Wajib MoKiS - Pihak yang terlibat dalam pembangunan MoKiS ini perlu memiliki empat sifat Rasulullah SAW iaitu Siddiq (bercakap benar), Amanah (jujur dalam semua perkara), Tabligh (menyampaikan sesuatu dengan telus) dan Fathonah (bijaksana).

TR-4 Ciri-ciri Khusus dan Umum MoKiS - Pihak yang terlibat dalam pembangunan MoKiS mestilah berusaha memiliki ciri-ciri khusus dan umum yang sudah diterangkan dalam tajuk MUB diatas.

Pembentukan Proses Pembangunan MoKiS (PPM)

PPM merupakan bahagian dimana pelaksanaan cadangan program dan projek untuk dilaksanakan oleh masyarakat yang terlibat. Mengikut MPK, di bahagian inilah pemimpin komuniti dan masyarakat tempatan mempunyai peluang untuk melaksanakan projek pembangunan MoKiS (seperti tertera di Rajah 3) secara bersama selepas menempuhi pelbagai persediaan dan latihan sebelum ini. Dalam PPM di peringkat kedua ini, terdapat 4 kitaran dari K-4 hingga K-7 tidak termasuk K-3 yang mengandungi projek yang perlu dilalui oleh semua. Disamping itu, penilaian semula serta penambahbaikan dibuat di setiap kitaran. Oleh yang demikian PPM merupakan peringkat yang kritikal dan terpenting sekali di dalam pembangunan MoKiS ini. Untuk memastikan proses pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan cara yang cekap dan berkesan, terdapat lima perancangan tindakan (PT) yang perlu dibuat. Dengan sedikit pengubahsuaian berdasarkan faktor semasa di Komuniti Taman Dahlia, ada enam PT perlu dibuat seperti berikut:

PT-1 Memilih Ketua Program – Ketua program yang telah dilantik hendaklah mampu menjalankan tanggungjawab dengan jayanya. Langkah yang pertama yang perlu dilakukan ialah dengan melantik ketua program secara demokratik. Daripada kajian Sabran, M. S. (2004), beliau mendapati bahawa banyak kajian yang dibuat membuktikan salah satu punca kegagalan program atau projek dalam pembangunan komuniti ini adalah disebabkan peranan ketua program itu sendiri. Kesilapan melantik pemimpin itu akan memberikan kesan yang buruk terhadap pencapaian projek yang dijalankan. Kerjasama dan bantuan daripada masyarakat mungkin sukar diterima oleh pemimpin yang tidak dipilih secara demokratik oleh masyarakat yang terlibat. Oleh itu, pemimpin yang dipilih hendaklah pemimpin yang telah dipersetujui oleh masyarakat yang terlibat dengan program atau aktiviti yang dijalankan.

PT-2 Kesedaran Melalui Pendekatan Agama - Kesedaran melalui pendekatan agama dengan menyedarkan masyarakat bahawa penglibatan dalam keusahawanan adalah tuntutan agama yang merupakan fardhu kifayah dalam membangunkan ekonomi Islam khususnya dalam melahirkan usahawan melalui komuniti. Penyampaian dan penyebaran kesedaran ini dilakukan dalam bentuk program ceramah agama, pertemuan dengan tokoh-tokoh usahawan yang berjaya dan pelbagai aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat.

PT-3 Pengetahuan Keusahawanan- Pengetahuan keusahawanan khususnya untuk melahirkan usahawan melalui komuniti perlu dimiliki bukan sahaja kepada usahawan itu sendiri tapi juga kepada semua masyarakat yang terlibat. Kalsom et. al. (2008) dalam kajian mereka mendapati beberapa faktor utama yang membawa kejayaan atau kegagalan seseorang dalam bidang keusahawanan. Di antara faktor kejayaan ialah pengetahuan yang mendalam dalam bidang yang diceburi, keinginan yang kuat untuk berjaya, berdisiplin dalam menguruskan perniagaan, memberi tumpuan dalam perniagaan, mempunyai pasukan pengurusan yang cekap dan membentuk jaringan perniagaan yang luas.

PT-4 Aktiviti-aktiviti Ekonomi- Aktiviti-aktiviti ekonomi dalam bentuk keusahawanan perlu dirancang dan dilaksanakan di komuniti terlibat melalui persatuan yang ditubuhkan atau sedia ada dengan syarat ia mempunyai peruntukan dalam perlembagaan boleh menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi agar tidak melanggar perundangan negara sedia ada.

PT-5 Masyarakat Bersatu- Semua ahli masyarakat dalam komuniti perlu bersatu dan bekerjasama dalam usaha melahirkan usahawan melalui komuniti. Dengan bersatu

maka penumpuan boleh dibuat secara tersusun dan permasalahan boleh diselesaikan secara bersama. Haugh dan Pardy (1999) menghuraikan kumpulan komuniti itu sendiri yang memainkan peranan di dalam pelaksanaan ekonomi dan penjana sosial bagi komuniti terbabit. Jika berlaku kesalahan, masing-masing bertanggungjawab dan tidak menuding jari kepada sesiapa (Sabran M. S., 2003).


PT-6 Kerjasama dengan Pihak Kerajaan yang Berkaitan

Pihak terlibat dalam komuniti perlu berusaha untuk membuat kerjasama dengan pihak kerajaan yang berkaitan kerana ia akan melancarkan rancangan tindakan untuk membantu usahawan seperti urusan yang berkaitan dengan undang-undang, pemberian insentif dan kemudahan sedia ada.

Peringkat Ketiga - Matlamat dan Hasil Sampingan MoKiS

Matlamat utama peringkat ketiga pembangunan MoKiS ialah melahirkan usahawan melalui komuniti seperti ditunjukkan dalam Rajah 4. Disamping itu, ada hasil sampingan yang dapat dinikmati oleh masyarakat tempatan daripada pembangunan MoKiS ialah pembangunan roh, minda, fizikal, sahsiah dan sosial. Dengan pencapaian yang sedemikian adalah diharapkan bilangan usahawan bumiputera bertambah berdasarkan keyakinan terhadap amalan-amalan keagamaan serta menjadi motivasi kepada masyarakat untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan ke tahap yang lebih baik lagi.

Rajah 4
Kerangka Kerja – Tiga Peringkat dalam Pembangunan MoKiS



Sumber: Berdasarkan kerangka kerja Model MPK

Pengumpulan Data

Kajian tindakan adalah berbentuk kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan kajian kuantitatif (Ashaari O. H., 2001). Data kualitatif dikutip dalam bentuk pemerhatian temubual dan analisis dokumen. Hasil pemerhatian berbentuk uraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Hasil temubual diambil daripada kutipan langsung dari pernyataan responden-responden dan ahli masyarakat yang terlibat tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam. Manakala analisis dokumen dikutip daripada petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, gambar, rakaman, dan kes sejarah. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif (Ishak Z. A., 1999). Data kualitatif berbentuk diskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Bogdan R. & Taylor S. J. New York; John Wiley & Sons, 1975). Dengan pelaksanaan sembilan kitaran dalam masa 28 bulan atau 2 tahun dan 4 bulan, sudah mencukupi untuk mengumpul dan menganalisis data dalam mencapai objektif kajian ini.

Kesimpulan

Pendekatan agama didapati berkesan dalam membina masyarakat yang bersatu sekaligus melahirkan usahawan baharu hasil daripada penyertaan dan sokongan masyarakat dalam semua aktiviti-aktiviti ekonomi yang dirancang oleh mereka sendiri. Ini dibuktikan dalam kajian ini apabila penduduk KTD berjaya menubuhkan Persatuan i-SEDAR, mengaktifkan semula sebuah koperasi yang tidak berfungsi sejak tahun 2015 di tempat kajian dan semua peserta menjalani pembangunan MoKiS berjaya dilahirkan menjadi usahawan baharu. Mereka pula telah membuka dan menjalankan syarikat perniagaan mereka masing-masing di tempat kajian. Antara faktor kejayaan pembangunan MoKiS adalah pihak kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sepang (MPSP), telah memberi peluang dengan membenarkan aktiviti-aktiviti pembangunan MoKiS dijalankan tanpa memiliki lesen perniagaan di peringkat awal. Malah MPSP juga bersetuju untuk menjadi penganjur dan penaja bersama dengan empat organisasi bukan kerajaan yang terdapat di KTD seperti penyediaan tempat perniagaan, dewan, makanan dan minuman tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada peserta MoKiS yang terlibat.

Justeru, pihak kerajaan juga memainkan peranan sebagai pemudahcara dalam memberi bantuan seperti yang telah disebutkan dalam PT-6. Penubuhan semula Kementerian Pembangunan Usahawan oleh kerajaan yang baharu ini, menunjukkan agenda bumiputera dalam bidang ini masih relevan malah merupakan agenda utama negara. Malaysia sudah merdeka lebih daripada enam dekad yang lalu namun peratusan pembabitan kaum Bumiputera dalam bidang keusahawanan jauh lebih rendah berbanding dengan kaum bukan Bumiputera. Jumlah syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember, 2016 hanya 448,273 atau 37.4 % daripada jumlah keseluruhan sebanyak 1,198,592 buah syarikat di Malaysia. Malah 90% daripada jumlah syarikat Bumiputera berdaftar ini adalah di tahap mikro. Takrifan usahawan mikro mengikut SME Corp (bank milik kerajaan) ialah golongan miskin atau berpendapatan rendah yang biasanya memohon pembiayaan kewangan tetapi kekurangan cagaran, pekerjaan yang stabil dan sejarah kredit yang sah serta menyakinkan (Laporan SME Corp, 2016/17). Ini bermakna kerajaan masih belum berjaya menangani masalah ini bahkan masih jauh ketinggalan di belakang. Ini bermakna kerajaan belum mendapat kaedah atau formula yang sesuai untuk melahirkan usahawan bumiputera. Seterusnya kerajaan juga telah banyak menggunakan tenaga, masa dan wang dengan merancang, melaksana, memantau dan mengawal serta membuat pelbagai penggubalan polisi dan pembiayaan program namun masih belum dapat mengatasi permasalahan ini. Justeru, pembangunan MoKiS yang menjadi fokus di dalam kajian ini adalah diharapkan mampu menangani masalah ini di setiap komuniti yang sesuai di

Malaysia sekaligus membantu kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini bersama komuniti. Semoga MoKiS antara jalan penyelesaian untuk melahirkan usahawan melalui komuniti di masa depan.

Rujukan

- Al-Qur'an (1993). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran 30 juzuk*. Pusat Islam Kuala Lumpur. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Ab. Aziz Yusof, & Mohd. Hizam Hanafiah. (2003). *Prinsip keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Ab Ghani, A. M., & Sarif, S. (2005). Penerapan budaya keusahawanan dalam masyarakat Islam.
- Ab. Mumin Ab. Ghani, & Suhaili Sarif. (2005). Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam. *Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005*, 1–18. Retrieved from http://eprints.um.edu.my/146/1/01_-_Penerapan_Budaya.pdf.
- Abu-Saifan, S. (2012). Social entrepreneurship: definition and boundaries. *Technology innovation management review*, 2(2).
- Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin (2011). Proses Pengukuran Jenis Jaringan.
- Ashaari, O. H. (2001). *Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Bogdan, R., & Taylor, S. J. New York: John Wiley & Sons, (1975). *Introduction to Qualitative Research Method – A Phenomenological Approach to the Social Sciences*. New York:
- Burns, C. D. (2005). The Protestant Ethic And The Spirit Of Capitalism. By Max Weber. *Mass Emergencies*, 23(2), 1–164.
- Campbell (2001). Social capital and health: contextualising health promotion within local community networks.
- Carr W. & Kemmis S. (1986) book title “*Becoming Critical – Education, Knowledge & Action Research*” page 45 – 49 first published Deakin University Press in 1986 reprinted 1988, 1989, 1990, 1993, 1995, 1996, 1997, 2000, 2002 by RoutledgeFalmer
- Claymone, Y., & Jaiborisudhi, W. (2011). A study on one village one product project (OVOP) in Japan and Thailand as an alternative of community development in Indonesia. *International Journal of East Asian Studies*, 16(1), 51-60.
- Hayes, John & Flower, Linda. (1980). Identifying the organization of writing processes. *Cognitive Processes in Writing*. 3-.
- Hope, K. R. (1980) *Social Change and Rural Regional Community Development in the United States*. *Community Development Journal*, 15 (2), 110- 116.
- Hussin, N. (2008). A critical review of the early history textbooks in Malaysian secondary schools. *Indonesia and the Malay World*, 36(106), 451-461.
- Ishak, Z. A. (1999). *Perhubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik* (Doctoral dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Jalani, H. (2011). Kemunduran Masyarakat Melayu: Pandangan Majalah Al-Islah. *Jurnal Usuluddin*, 33, 32-48.
- Kalsom, K., & Nor Ashikin, M. N., and Mohmad Amin M., I.,(2008). *Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan Lestari dlm. Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan*.
- Killacky & Karam (1994) *Journal of the Community Development Society* Vol. 25, No. 1 Center for Public Affairs Research (CPAR)
- Kurokawa, K., Tembo, F., & te Velde, D. W. (2010). *Challenges for the OVOP movement in Sub-Saharan Africa* (No. 18).
- Laporan Tahunan SME Corp. PKS 2016/17
- Louis A. Ploch (1976) A Case Study, *Journal of the Community Development Society*, 7:1, 5-

16, DOI: 10.1080/00103829.1976.10878081

- Mair, J., & Marti, I. (2006). Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction, and delight. *Journal of world business*, 41(1), 36-44.
- Mansur, N. H. (2008). *Keusahawanan menurut perspektif Al-Quran* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Martin, R. L., & Osberg, S. (2007). *Social entrepreneurship: The case for definition* (Vol. 5, No. 2, pp. 28-39). Stanford, CA: Stanford social innovation review.
- McKernan, J. (1996). *Curriculum action research: A handbook of methods and resources for the reflective practitioner*. London: Kogan
- Michael W.P Fortunato dan Theodore (2015) Article in *Community Entrepreneurship Development* 46(5):1-12 · September 2015.
- Mohamad, M., & Silong, A. D. (2010). Leadership roles in community development in Malaysia. *Journal of Global Business Management*, 6(2), 1.
- Mohd Adib et. al (2014) *Journal of Human Development and Communication Volume 3* [129-141]
- Mohd Adib Abd Muin (2017). “Amalan Keusahawanan Sosial Islam Dalam Kalangan Usahawan: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Berjaya Muslim di Malaysia”.
- Muhyiddin Yassin (2008) Laporan Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia Report/MITI_Report_2007_(BM).pdf BAB 9 PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA Import bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia.
- Natsuda, K., Igusa, K., Wiboonpongse, A., & Thoburn, J. (2012). One Village One Product—rural development strategy in Asia: the case of OTOP in Thailand. *Canadian Journal of Development Studies/Revue canadienne d'études du développement*, 33(3), 369-385.
- Nor Hafiza Othman. (2012). Nilai dan Etika Perniagaan dalam Islam bagi Membentuk Usahawan Bertakwa. Proceeding: International Conference on Islamic Leadership- 2 (ICIL).
- Okafor, F. (1982). Community involvement in rural development: a field study in the Bendel State of Nigeria. *Community Development Journal*, 17(2), 134-140.
- Othman, Norasmah. (2015). Relationship between Entrepreneurial Intentions and Entrepreneurial Career Choice Behavior among University Students. *Journal of Business and Economics*. 6. 10.15341/jbe (2155-7950)/01.06.2015/017.
- Pat Curry (2018) The Community Development Academy is a series of three intensive, experiential by the University of Missouri Extension Community Development Program <https://extension2.missouri.edu/people/pat-curry-82044>.
- Rahman, A. A. A. (2015). Perspektif keusahawanan sosial: satu input kepada pendidikan keusahawanan sosial Islam.
- Rahman, L. A. (Ed.). (1997). *Pengurusan Islam: Etika, Komunikasi dan Motivasi*. Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).
- Sabran, M. S. (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 11(2), 135-145.
- Sahih Bukhari. Kitab al-Buyu', Bab al-Suhulah wa al-Samahah fi al Syira' wa al-Bay', No. 1966.
- Salleh, A. M. (2010). Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. *Penerbit UKM*.
- Schumann, R. F. (2016). A Study of One Village One Product (OVOP) and Workforce Development: Lessons for Engaging Rural Communities around the World. *School of Business and Public Administration*.
- Shuhairimi Abdullah. (2011). *Aplikasi Nilai-nilai Murni dalam Kalangan Usahawan Arah Pembangunan Usahawan Muslim yang Holistik*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Shuhairimi Abdullah. (2013). The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective. *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6), 322-345.

- Suhaimy et al (2013). Meneroka kerangka analitikal teori sosiologi Max Weber dalam mengkaji pemikiran pembangunan Tun Dr. Mahathir Mohamad M *Journal of Techno Social*, 5(1).
- Talib, Azlizan, et al., (2012) "Penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan luar bandar. "Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah, Prosiding PERKEM VII, JILID 2 (2012): 738-749.
- Takei, I. (2007). A Study on One Tambon and One Product Policy and Rural Household Economy in Thailand". *Journal of Takasaki City University of Economics*, 49(3).
- Thu, N. T. A. (2013). One village one product (OVOP) in Japan to one tambon one product (OTOP) in Thailand: Lessons for grass root development in developing countries. *Journal of Social and Development Sciences*, 4(12), 529.
- Weber, M. (2008). *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism: With Other Writings on the Rise of the West*.